

MAHATHIR-TUNTUTAN

(1979)

ALOR SETAR, 5 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TIDAK ADA SATU KAUM PUN DI NEGARA INI SAMA ADA BUMIPUTERA ATAU BUKAN BUMIPUTERA YANG BOLEH MENDAPAT SEMUA TUNTUTAN MEREKA DARIPADA KERAJAAN.

KERAJAAN AKAN HANYA MEMENUHI TUNTUTAN-TUNTUTAN MENASABAH YANG BOLEH MENJAMIN KEAMANAN DAN PERPADUAN NEGARA, KATANYA SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 15,000 ORANG YANG MENYAMBUK KETIBAANNYA DAN DATIN SERI DR SITI HASMAH DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS UNTUK MEMULAKAN LAWATAN RASMI TIGA HARI KE KEDAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, MEMANG TERDAPAT GOLONGAN PELAMPAU DARI BERBAGAI KAUM YANG TIDAK PUASHATI DAN TIDAK MAHU MENGHARGAI SEGALA USAHA KERAJAAN.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK AKAN MELAYANI TUNTUTAN MEREKA YANG TIDAK BERASAS SAMA ADA DARI ORANG MELAYU, CINA ATAU INDIA, TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SANGAT BERUNTUNG KERANA BERADA DALAM KEADAAN AMAN DAMAI DAN RAKYATNYA DAPAT MENIKMATI KEMEWAHAN HIDUP.

KEMAJUAN PEMBANGUNAN DAN PENTADBIRAN YANG STABIL YANG DINIKMATI OLEH RAKYAT BUKANLAH UJUD DENGAN SENDIRINYA TETAPI MELALUI USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH KERAJAAN. --BERSAMBUNG 1908/BY

MAHATHIR-TUNTUTAN 2 ALOR SETAR

KATANYA KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA KECIL KAWASAN PELABUHAN KELANG BARU-BARU INI MENUNJUKAN RAKYAT MAHUKAN KEAMANAN DAN PERPADUAN DIBAWAH PIMPINAN BARISAN NASIONAL.

BELIAU BERKATA, SIKAP PERKAUMAN PAS DAN DAP TIDAK AKAN DITERIMA OLEH MASYARAKAT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMUJI KERAJAAN NEGERI KEDAH ATAS KEJAYAANNYA MENGUMPUL HASIL UNTUK BELANJAWAN TAHUN DEPAN.

MENURUTNYA WALAUPUN KERAJAANGA KERAJAAN NEGERI BOLEH MEMINTA BANTUAN DAN PERUNTUKAN DARI KERAJAAN PUSAT, MEREKA HENDAKLAH MEM-PUNYAI PUNCA PENDAPATAN SENDIRI.

MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SAHAUDDIN DALAM UCAPAN NYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN PUSAT MELALUI

TIMBALAN PERDANA MENTERI KERANA MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA NEGERI INI.

KATANYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERUSAHA DENGAN GIGIH MENDAPATKAN PERUNTUKAN TAMBAHAN KEPADA NEGERI INI MELALUI BERBAGAI SALURAN.

INI ADALAH SIMPATINYA TERHADAP MASALAH NEGERI KEDAH YANG SENTIASA KEKURANGAN WANG BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN WALAUPUN IA MENJADI PENGELUAR PERAS NEGARA YANG UTAMA. --BERSAMBUNG 1913/BY

B617

MAHATHIR TUNTUTAN 3 ALOR SETAR

DATUK SERI SYED NAHAR MENYATAKAN KEYAKINAN DENGAN USAHA ITU, RAKYAT AKAN DAPAT MEMANDANG MASA DEPAN YANG CERAH DAN MEMPERKUAT-KAN LAGI AZAM KERANAAN NEGERI MENERUSKAN USAHA MEMEWAHA KEMAKMURAN YANG LEBIH.

SEBELUM ITU SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, DATUK RADZI BASIR, TELAH MENAIKI KAPALTERBANG DAN MEMPELAWA TURUN PARA PELAWAT TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATIN SERI DR SITI HASMAH TELAH DIPERKENALKAN KEPADA DATUK SERI SYED NAHAR, DIKUTI OLEH LAIN-LAIN ORANG KENAAM NEGERI TERMASUK TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK SERI SYED AHMAD SAHAUDDIN, DAN TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, ENCIK SANUSI JUNID.

MALAM INI TIMBALAN PERDANA MENTERI AKAN MENGADAP KEBAWAH SULTAN DAN SULTANAH KEDAH DI ISTANA ANAK BUKIT. --BERNAMA 1915/BY